

17 DEC 1997

Mahathir-hospital

HOSPITAL SWASTA DIGESA KURANGKAN BAYARAN BAGI RAKYAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap bayaran perubatan dikurangkan bagi rakyat Malaysia yang mengunjungi hospital swasta.

"Tolonglah beri potongan harga kepada pesakit-pesakit Malaysia yang pendapatan mereka telahpun susut sebanyak 45 peratus," kata beliau ketika merasmikan Pusat Perubatan Gleneagles Intan di Jalan Ampang.

Dr Mahathir berkata hospital swasta boleh mengenakan bayaran yang lebih tinggi kepada orang asing kerana penurunan nilai ringgit membuat mereka lebih mampu.

"Pada mesyuarat Kabinet hari ini, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng berkata hospital kerajaan mengalami tekanan yang semakin meningkat untuk menerima lebih ramai pesakit kerana mereka tidak mampu membayar (bagi perubatan) di hospital-hospital swasta," katanya.

Dr Mahathir juga menyeru pengamal-pengamal perubatan supaya rela agar gaji mereka dipotong bagi mengurangkan kos kendalian hospital.

Katanya, rakyat Malaysia harus belajar berjimat cermat sekarang dan hidup dengan cara yang kurang daripada apa yang menjadi kebiasaan kepada mereka.

"Kita tidak menghadapi kemelesetan ekonomi sekarang, tetapi jika kita tidak berhati-hati kita mungkin menghadapi zaman meleset," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berharap hospital swasta akan membantu golongan kurang bernasib baik mendapatkan rawatan berdasarkan konsep masyarakat penyayang.

Katanya hospital merupakan kemudahan terbaik untuk orang ramai tetapi ia bergantung kepada orang sakit kerana "jika mereka sihat, tidaklah ada hospital."

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Gleneagles Intan Medical Centre Kuala Lumpur berharga RM165 juta menyediakan 330 katil dan sembilan bilik pembedahan.

Ia adalah usaha sama membabitkan Tan & Tan Developments Berhad, Gleneagles (M) Sdn Bhd, Insas Bhd dan PNB Equity Resource Corporation Sdn Bhd. -- BERNAMA

AD SIA AFY MAI